

AL-HIKMAH

Jilid 10 ISSN 1985-6822 2018
No. 1 1439

- NILAI AGAMA ISLAM DALAM KESEDARAN BERAGAMA KALANGAN MASYARAKAT BAJAU DARAT KAMPUNG PENIMBAWAN TUARAN, SABAH3-15
Qurratu Ain Rapihi, Zaizul Ab. Rahman
- PENGARUH VLOG DAKWAH TERHADAP KOGNITIF DAN AFEKTIF REMAJA DI PUTRAJAYA ...16-33
Muhamad Faisal Ashaari, Noor Hafizah Jujaji
- TRAIT PERSONALITI PENDAKWAH MUSLIM: SATU SOROTAN LITERATUR ...34-54
Izzaty Ulya Munirah Abd Aziz, Zainab Ismail
- KONSEP HISBAH DAN KEPENTINGANNYA DALAM PENGURUSAN HAL EHWAL ISLAM ...55-78
Abdul Qahhar Ibrahim, Abdul Ghafar Don, Muhamad Faisal Asha'ari
- HUBUNGAN INSENTIF KEIMANAN DAN AMALAN PENGAJARAN: KAJIAN TERHADAP GURU TAHFIZ SWASTA DI NEGERI PERAK ...79-94
Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Abd Hadi Borham, Wahyu Hidayat Abdullah, Muhammad Akramin Kamarul Zaman
- KELANGSUNGAN SYARIAT ISLAM MENERUSI PERUNDANGAN MALAYSIA ...95-118
Mohd Mustaffa Jusoh @ Yusoff, Mohd Musa Sarip, Wan Abdul Fattah Wan Ismai
- DAKWAH MELALUI MEDIA BARU DI MALAYSIA: PELUANG ATAU CABARAN?119-128
Aini Maznina A. Manaf
- MODEL PENGUKURAN APLIKASI MUDAH ALIH PANDUAN SOLAT ANDROID (MAPS) ...129-147
Siti Zuraida Abdul Manaf, Norazah Nordin, Helmi Norman, Ahmad Syukri Mohamad Zaid, Analisa Hamdan
- PERLAKSANAAN Kaedah PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KAEDAH FIQH ... 148-162
Mohd Aderi Che Noh, Normurni Mohamad, Adibah Hasanah Abd Halim, Absha Atiah Abu Bakar, Hasnan Kassan
- MENDEPANI MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA MELALUI ILMU PERBANDINGAN AGAMA: TINJAUAN AWAL ...163-175
Aemy Elyani Mat Zain, Norsaadah Din @ Mohamad Nasirudin, Nazneen Ismail, Maryam Habibah Kamis
- CHRISTIAN NEO-ORTHODOXY APPROACH TO RECONSTRUCTION OF RELIGIOUS THOUGHT ON SELECTED THEOLOGICAL ISSUES: AN ISLAMIC ANALYSIS ...176-187
Adibah Abdul Rahim
- ISLAMOPHOBIA IN THE WEST MEASURING AND EXPLAINING INDIVIDUAL ATTITUDES by MARC HELBLING ... 188-189
Badlihisham Mohd Nasir, Abdul Ghafar Don

Al-Hikmah 10(1) 2018: 3-15

Nilai Agama Islam dalam Kesedaran Beragama Kalangan Masyarakat Bajau Darat Kampung Penimbawan Tuaran, Sabah

The Value of Islamic Religious Awareness Among Bajau Darat at Kampung
Penimbawan Tuaran, Sabah

QURRATU AIN RAPIHI
ZAIZUL AB. RAHMAN

ABSTRACT

Generally, the Bajau divided into two Sea Bajau living in the eastern part of Sabah Bajau Darat also known as just stay in the western part of Sabah. This difference is based on their geographical placement of the state. Dialect speech Bajau Bajau sea and land is also different. Their main activity is farming, breeding and fishing. In terms of religion, values awareness in society of the Muslim Bajau have preceded other indigenous tribes in the interior of Sabah, who was yet to embrace. However, awareness values of the Islamic religion in practice among the Bajau community is different and vary. This paper aims to identify the values of religion in religious awareness among the Bajau Sabah at Kampung Penimbawan Tuaran Sabah and their role as agents of the spread of Islam in the state. The design of this paper uses descriptive and regartion quantitative method based on analysis of the findings of previous studies related to land in Sabah Bajau community. The results showed that the values of Islam in the religious consciousness Bajau Darat and their role as agents of the spread of Islam is still at a low level which shown the value of religion among regartion ibadah and akhlak are $R= 0.686$. The conclusion of the descriptive also showed that the frequency of ibadah at the range of moderate with 79% and the frequency of akhlak which both are the values of religious of Bajau at Kampung Penimbawan is low with cumulative percent 88.6%.

Keywords: Value of Religion, Religious Consciousness, Kampung Penimbawan Tuaran, Bajau Darat, Sabah.

PENDAHULUAN

Mengikut sejarah lisan suku etnik Bajau, mereka telah menganut Islam sejak 500 tahun yang lalu. Menurut keterangan pemimpin keturunan ini, amalan

Islam yang dipraktikkan oleh ahli-ahli komuniti ini adalah warisan daripada ajaran Islam 500 tahun yang lampau. Oleh kerana ajaran Islam ini merupakan ajaran yang sudah cukup lama, maka terdapat beberapa kelainannya dengan fahaman nilai-nilai Islam semasa yang diketahui umum. Perbezaan ini dapat dibahagikan kepada dua aspek nilai utama iaitu kepercayaan tentang asal-usul pembawanya dan kefahaman terhadap nilai hukum-hukum tertentu dalam Islam. (Gusni Saat.2008. 78-79)

Kajian ini adalah mengenai nilai agama Islam dalam kalangan masyarakat Bajau Darat, Sabah. Kajian ini berbentuk kuantitatif. Semoga dengan kajian ini mampu memberi sumbangan dan manfaat kepada masyarakat Sabah khususnya kepada seluruh masyarakat Bajau di negeri Sabah serta dapat memahami nilai-nilai agama Islam yang sebenar dalam kehidupan seharian. Nilai terhadap ajaran agama Islam sangat penting untuk membantu dan menjadikan mereka sebagai agen penyebaran dakwah ajaran Islam yang sebenar serta menjadi penganut agama Islam yang berlandaskan syariat Islam.

Sebelum penjajahan Inggeris lagi, Sabah menjadi negeri kepada lebih 30 suku etnik peribumi yang tersebar merata tempat di negeri tersebut. Mereka masing-masing terkenal dengan identiti kebudayaan yang berbeza antara satu dengan lain. Suku Kadazan/Dusun, suku etnik Bajau, suku Murut dan suku Brunei (Jones, 1966) merupakan antara suku etnik bumiputera yang terbesar dalam kalangan berpuluhan-puluhan kumpulan suku etnik ini. Kini penduduk Sabah yang berjumlah 2944400 (Monthly Statistical Buletin Sabah, 2005), tidak lagi didominasikan oleh kaum peribumi, atau lebih dikenali sebagai bumiputera, baik dari segi demografi maupun dari segi sosioekonomi. (Gusni Saat. 2008:56)

Perkataan Bajau sering dikenali dengan pelbagai panggilan dan satu gelaran yang terkenal untuk merujuk kepada kelompok ini, iaitu sebagai gipsi laut (sea gypsies) atau nomad laut (sea nomads). Orang-orang yang digelar Bajau ditemui tersebar di seluruh Semenanjung Asia Tenggara (Insular Southeast Asia). Catatan dan dakwaan yang dibuat oleh pelayar-pelayar awal dari China dan Eropah menjelaskan mereka ditemui mendiami perahu-perahu dan mendominasi kawasan-kawasan laut di Pulau Mergui, Singapura, Johor, Pulau Bangka, Sulawesi dan Kepulauan Sulu. Perubahan masa juga membawa banyak perubahan kepada kelompok bergelar Bajau. Kebanyakan mereka telah meninggalkan perahu dan mula mendiami daratan. Meskipun demikian, masih terdapat sesetengah orang Bajau yang mengekalkan cara hidup di dalam perahu tetapi jumlah mereka semakin mengecil. Sekiranya arus perubahan ini semakin meluas, pastinya budaya

hidup berperahu akan lenyap daripada seluruh kelompok Bajau. (Saidatul Nornis.Budi Anto Mohd. Tamring.2011:71)

Agama merangkumi sistem kepercayaan dan amalannya. Setiap amalan agama mempunyai fungsinya tersendiri yang kebanyakannya dikaitkan dengan pandangan sejagat masyarakat pendokongnya. Banyak bentuk pendefinisan diberikan terhadap agama antaranya, Kamus Dewan (199:12) menjelaskan dua maksud agama sebagai kepercayaan pada Tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran dan perintahnya, dan kepercayaan pada sesuatu dewa (yang dipuja dan dianggap sebagai suatu yang amat berkuasa). Berdasarkan sudut pandangan kebahasaan, agama berasal daripada kata Sanskrit yang bererti tidak kacau. Agama diambil daripada dua suku kata, iaitu a yang bererti tidak dan gama yang bererti kacau. (Saidatul Nornis. Budi Anto Mohd.Tamring.2011.75)

Pengaruh nilai-nilai agama Islam yang meresap ke dalam kebudayaan suku etnik Bajau ialah sesuatu yang tidak dapat diabaikan begitu sahaja. Hal ini kerana suku etnik Bajau itu juga ialah sebahagian daripada masyarakat maritim yang mempunyai hubungan sosiopolitik dengan beberapa buah kerajaan Islam di alam Melayu. Kajian juga menunjukkan bahawa dalam kalangan komuniti suku etnik Bajau era prakolonial di kepulauan Borneo memang mempunyai hubungan yang baik dengan Kesultanan Brunei dan Kesultanan Bone di Sulawesi. Namun, ragam hidup yang berlainan membuatkan nilai-nilai islam serta kesedaran beragama dalam kalangan mereka terhadap Islam adalah berbeza-beza. Antara contoh adalah, dalam kalangan Sama di laut mempunyai nilai-nilai amalan agama yang tidak terserlah kerana kehidupan mereka yang terbatas di rumah-perahu. Sejarah sosial ini memberi kesan mendalam ke atas corak dan sifat nilai-nilai ajaran serta kesedaran menghayati dan mengamalkan nilai-nilai ajaran agama Islam dalam kehidupan seharian masyarakat suku etnik Bajau di Sabah. (Gusni Saat.2008:77)

Berdasarkan latar belakang kajian, kajian ini akan memfokuskan kepada kajian terhadap nilai agama Islam dalam kesedaran kalangan masyarakat Bajau Darat dalam mengamalkan nilai-nilai ajaran daripada agama Islam berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Seperti yang diketahui,masyarakat Bajau memang terkenal dengan suku etnik yang menganut agama Islam dan sepatutnya dengan nilai-nilai penerapan agama Islam dalam diri mereka mampu menjadikan mereka sebagai agen menyebarkan dakwah Islam kepada masyarakat suku etnik yang lain yang belum memeluk dan memahami ajaran agama Islam khususnya di negeri Sabah.Oleh yang demikian, kesedaran dalam beragama dan penerapan nilai-

nilai murni daripada ajaran agama Islam perlu diterapkan ke dalam setiap masyarakat suku etnik Bajau di Sabah khususnya.

LATAR BELAKANG SEJARAH KAMPUNG PENIMBAWAN TUARAN, SABAH

Sejarah Kampung Penimbawan telah tercatat sejak 300 tahun yang lalu apabila dibuka oleh Allahyarham Encik Bandi yang merupakan orang pertama tinggal dan mendiami bersama keluarganya di kampung tersebut. Pada awalnya, perkampungan Penimbawan ini terletak di atas air dan penduduknya boleh dihitung puluhan orang. Pada awalnya, kampung Penimbawan belum lagi dinamakan dan ketika itu masyarakat suku kaum Bajau hidup dengan berpindah-randah. Pekerjaan mereka ketika itu adalah sebagai nelayan dan pertanian bercucuk tanam.

Mereka terkenal dengan hidup sebagai nelayan dan mereka membuat perahu daripada pokok kayu balak. Pada suatu hari, ketika membuat perahu iaitu Encik Bandi dengan menggunakan kayu tersebut lalu kayu tersebut mengeluarkan bau yang sangat wangi. Dalam istilah Bajau, Penimbau bermaksud pembuat perahu. Manakalah haruman dalam bahasa Bajau bermaksud Bawan. Maka apabila kedua ayat itu digabung maka lahir nama Penimbawan yang bermaksud Pembuat perahu yang harum.

Namun, tidak dinafikan wujud juga sejarah dan kisah berkaitan dengan nama kampung penimbawan ini. Ketika zaman penjajahan Jepun era 60-an, kampung penimbawan juga diberi gelaran sebagai Kampung Nangka. Kampung Nangka ini meliputi Teluk Sulaman sehingga sekarang ini. Walaubagaimanapun, panggilan itu kurang digunakan dan semakin dilupakan pada masa kini.

Peredaran waktu dan arus pembangunan era 2007, Kampung Penimbawan yang pada mulanya terletak di atas air, kerajaan telah melakukan perubahan untuk memindahkan kampung Penimbawan ke daratan. Bermula tahun 2011 sehingga sekarang, Kampung Penimbawan yang dahulu atas air, beratap nipah, bertiang nibong, tidak mempunyai kemudahan elektrik, kini mempunyai perubahan yang berbeza dan jauh sekali lebih baik sehinggakan Kampung Penimbawan mendapat gelaran “Rumah Kampung Tersusun”. (Temu bual dengan anak ketua kampung Penimbawan, Haji Jamawi bin Haji Ajim)

Penduduk kampung Penimbawana pada tahun 2014 mencatatkan bilangan penduduknya seramai 1875 orang iaitu lelaki seramai 950 orang manakala perempuan seramai 925. Jumlah ini semakin hari semakin

meningkat dari semasa ke semasa. (Catatan daripada Haji Jaukal bin Badar pengurus jawatankuasa kemajuan dan keselamatan kampung (JKK) Kampung Penimbawan.2014)

NILAI AGAMA ISLAM DALAM KALANGAN MASYARAKAT BAJAU

Seringkali Islam diertikan sebagai “al-din” al-Islam iaitu satu sistem kehidupan yang menyeluruh, bukan hanya dalam aktiviti dan program-program berbentuk agama bahkan ianya mencakupi semua bidang kehidupan. Sebagaimana firman Allah s.w.t

إِنَّ الَّذِينَ عِنْدَ اللَّهِ أَلْيَسْلَمُو وَمَا أَخْتَلَفَ الَّذِينَ أَتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا
جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَعْدًا بَيْنَهُمْ وَمَنْ يَكُفُرُ بِعِيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿١٩﴾

Maksudnya: Sesungguhnya agama (yang diridhai) disisi Allah hanyalah Islam. Tiada berselisih orang-orang yang telah diberi Al Kitab [Maksudnya ialah Kitab-Kitab yang diturunkan sebelum Al Quran.] kecuali sesudah datang pengetahuan kepada mereka, karena kedengkian (yang ada) di antara mereka. Barangsiapa yang kafir terhadap ayat-ayat Allah Maka Sesungguhnya Allah sangat cepat hisab-Nya. (al-Quran, Al Imran 3: 19)

Justeru konsep ini membawa maksud yang luas iaitu seseorang Muslim dikehendaki menyerahkan kehidupannya dan segala-galanya dengan mengikuti segala nilai-nilai ajaran Islam atau dapat menghayati Islam dalam kehidupan seharian. Penggunaan perkataan penghayatan nilai-nilai Islam mula digunakan bagi memudahkan untuk memahami konsep ‘al-din al-Islam’ tersebut. Menurut Hashim Hj. Musa (1983:1) mengamalkan dan menghayati nilai-nilai Islam adalah dengan menghadirkan niat kepada Allah dalam segala tindak tanduk dan percakapan. Mereka yang dapat menghadirkan niat kepada Allah dalam kehidupannya sentiasa akan dapat naungan dan penjagaan Allah serta terhindar dari melakukan perkara-perkara maksiat, khurafat, fasiq dan hal-hal kemungkar yang haram.

KAJIAN BERKAITAN DENGAN MASYARAKAT BAJAU

Seterusnya hubungan etnik adalah satu dari apda aspek penting dalam kehidupan manusia. Hal ini kerana manusia itu dijadikan daripada pelbagai bangsa kaum dan puak (Mohd Nooret. al, 2006). Kepelbagaian etnik ini telah mewujudkan kepelbagaian budaya yang mewarna-warnikan kehidupan masyarakat sesebuah negara. Definisi budaya yang terawal dikemukakan oleh Tylor (1871) di mana beliau memberi makna budaya sebagai konsep keseluruhan yang meliputi pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, perundangan, adat dan lain-lain perkara yang sering dilakukan oleh seseorang sebagai ahli kepada sesebuah masyarakat. Dalam konteks Malaysia, negara kita mempunyai masyarakat yang unik dari segi komposisi kaum, etnik, keturunan, nilai, warisan kebudayaan dan agama. Walaupun yang kelihatan nyata adalah tiga komuniti etnik utama iaitu Melayu, Cina dan India, tetapi pada hakikatnya terdapat lebih dari 200 suku-suku kaum yang lain khususnya di Sabah dan Sarawak dan di antaranya adalah seperti kaum Kadazan, Bajau, Melanau, Penan, Dusun, Iban dan Bidayuh. Justeru itu, isu-isu yang berlegar sekitar hubungan etnik adalah penting untuk difahami, demi untuk membina kesejahteraan hidup bagi setiap insan (Mohd Noor et. al., 2006).

Selain itu, Y.B. Datuk Mohd. Shafie Apdal (mantan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan) menegaskan bahawa aktiviti kebudayaan dan kesenian juga boleh dijadikan wadah utama bagi menyatupadukan rakyat berbilang kaum dan agama di Malaysia (Utusan Online, 26 Mac 2008). Y.A.B. Dato' Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak (Perdana Menteri Malaysia) juga pernah berkata bahawa kebudayaan yang menjadi manifestasi kepercayaan dan nilai sesuatu kaum jika dipertahankan boleh menjadi alat untuk perpaduan yang lebih jitu (Utusan Malaysia, 3 November 2008).

KAJIAN BERKAITAN NILAI AGAMA ISLAM DENGAN SUKU KAUM BAJAU

Menurut Saidatul Nornis et al. (2007), pada zaman pra-Islam, Melayu membawa konsep ini dengan makna yang luas dan mendalam sehingga merangkumi keseluruhan cara hidup yang ditakrifkan sebagai kebudayaan, undang-undang, system masyarakat, upacara dan segala macam kebiasaan termasuk cara makan dan minum. Oleh itu, konsep nilai adat boleh dikatakan sebagai keseluruhan corak kehidupan atau kebudayaan manusia dalam alam

nyata dan juga menghubungkan manusia dengan alam kosmik dan simbolik dan sejagat.

Seterusnya pengkajian berkaitan terjadinya konflik sosial yang berlindung di bawah bendera nilai-nilai agama atau mengatas-namakan agama, bukan merupakan justifikasi dari doktrin agama, tetapi lebih disebabkan oleh ketidakjelasan hubungan antara agama dan kebudayaan. Terdapat banyak sarjana yang mengkaji hubungan antara agama dan kebudayaan. Pada satu sisi, agama selain sebagai sumber moral dan etika serta bersifat historis dan berubah menjadi sistem kebudayaan, iaitu ketika wahyu direspon oleh manusia atau mengalami proses transformasi dalam kesedaran dan system kognisi manusia. Memahami agama sebagai gejala kebudayaan tentu bersifat kontekstual, iaitu memahami fenomena keagamaan sebagai sebahagian dari kehidupan sosial. Dalam setiap agama, sudah tentu diajarkan nilai-nilai yang melahirkan norma atau aturan tingkah laku para pemeluknya, walaupun pada dasarnya sumber agama itu adalah nilai-nilai murni. Keyakinan dan kesedaran terhadap beragama dalam Islam dapat memberikan peranan sebagai pedoman dan petunjuk bagi pola tingkah laku dan corak sosial dalam nilai-nilai agama Islam dan kesedaran beragama khusus dalam masyarakat suku etnik Bajau.

KESEDARAN BERAGAMA DAN PENERAPAN NILAI-NILAI AJARAN AGAMA ISLAM YANG DIAMALKAN DALAM SUKU ETNIK BAJAU

Suku etnik Bajau ini mempercayai bahawa orang yang bertanggungjawab membawa dan menyebarkan ajaran nilai-nilai Islam adalah dari kalangan keturunan mereka sendiri. Sebagai contoh di kawasan Kota Kinabalu, menurut keterangan Pak Obon, pemimpin utama keturunan ini, sebelum kedatangan keturunan mereka, penduduk kawasan ini tidak mempunyai agama kecuali kepercayaan tentang kuasa-kuasa baik dan kuasa jahat. Kepercayaan seperti ini boleh disamakan dengan kepercayaan animism. Menurutnya, oleh kerana Islam mementingkan nilai-nilai kehidupan bermasyarakat, maka orang-orang bumiputera yang pada mulanya hidup berselerak di merata tempat dalam daerah itu, mula hidup dalam sesebuah petempatan besar.

Mengenai kesedaran beragama dan penerapan nilai-nilai ajaran agama Islam yang diamalkan dalam suku etnik Bajau, kebanyakan mereka berpendapat bahawa Islam yang diamalkan adalah berasal daripada ajaran yang dibawa oleh keturunan mereka yang pertama. Menurut Pak Tiara,

pemimpin keturunan di Kampung Darau salah satu contoh penempatan suku etnik Bajau di kawasan Kota Kinabalu yang juga merangkap bilal dalam komuniti itu, beliau menjelaskan bahawa nilai-nilai ajaran Islam yang mereka amalkan itu bukan Islam yang “ dibeli dari mana-mana kedai” akan tetapi ia adalah hasil “ pencarian” moyang mereka. Tambah beliau lagi, berdasarkan cerita ayahnya, moyang mereka sentiasa menghilangkan diri selepas hari Jumaat dan akan kembali semula sebelum hari Jumaat berikutnya. Kepulangannya itu adalah bersama pengetahuan baru tentang ajaran Islam. Cerita tentang “kehebatan” Islam keturunan itu komuniti itu boleh dikatakan diketahui oleh semua ketua-ketua keluarga utama dalam komuniti tersebut. Begitu juga yang berlaku di perkampungan-perkampungan dan penempatan suku kaum darat yang lain seperti di Kampung Penimbawan, Tuaran hasil temubual pengkaji dengan anak ketua kampung tersebut dan juga merupakan Ahli Jawatan Kuasa masjid di kampung tersebut iaitu Haji Jamawi bin Haji Ajim.

Menurut Gusni Saat, tidak dapat dinafikan bahawa kesedaran beragama dalam masyarakat suku etnik Bajau telah mendahului suku-suku peribumi lain di kawasan pedalaman Sabah masih lagi belum beragama. Melalui kajian Gusni Saat juga mengatakan bahawa para pengkaji Barat menamakan golongan yang belum beragama ini sebagai manusia pagan atau animism. Islam yang ada pada suku etnik Bajau itu telah mereka warisi daripada generasi terdahulu. Setakat yang dapat dikesan oleh ahli sejarah, suku etnik Bajau telah memeluk Islam sejak awal abad ke-16 lagi. Walaubagaimanapun, tahap penghayatan Islam dari segi amalannya dalam kalangan masyarakat suku etnik Bajau adalah berbagai dan berbeza-beza. Ragam sosioekonomi yang mendominasi kehidupan kelompok suku etnik Bajau, antara faktor utama kepada kewujudan perbezaan kefahaman dan amalan Islam. Sebagai contoh, tahap kefahaman serta amalan Islam dalam kalangan suku etnik Bajau tanah-pertanian lebih tinggi berbanding dengan suku etnik Bajau Laut-Nelayan dan suku etnik Bajau DiLaut. Kefahaman serta amalan keislaman dalam kalangan kelompok suku etnik Bajau yang berlainan konteks sosio-ekonomi ini semakin baik apabila mereka dapat mengasaskan kehidupan secara menetap di darat. (Gusni Saat,2008:79)

Dalam kalangan kumpulan suku etnik Bajau di Sabah yang telah mengasaskan kehidupan di darat, ada yang menganggap bahawa kumpulan suku etnik Bajau yang masih tinggal di rumah-perahu adalah kafir. Hal ini kerana mereka tidak mengamalkan nilai-nilai amalan agama Islam yang ideal. Namun, tanggapan bahawa suku etnik Bajau hanya Islam setelah menetap di darat juga agak bercanggah dengan keyakinan kumpulan suku etnik Bajau rumah-perahu yang telah menetap di darat. Menurut mereka

“bangsa Sama DiLaut” juga Islam, walaupun mereka tidak mengamalkan amalan Islam. (Gusni Saat, 2008:78-79). Hal ini menunjukkan bahawa tidak semua suku kaum Bajau Darat memahami dan mempunyai kesedaran penerapan nilai-nilai penghayatan agama Islam yang sempurna, mengamal serta mempraktikkan nilai-nilai ajaran agama Islam dalam kehidupan sehari-hari mereka dengan kefahaman yang sebenar.

Sinkritisma iaitu suatu fenomena budaya yang sering terdapat dalam kebudayaan sesebuah masyarakat, terutamanya yang kurang pengetahuan agama. Masyarakat seperti ini terus berusaha mengadunkan nilai-nilai agama dengan nilai-nilai budaya tradisional, seperti adat dan kepercayaan animisma dan mengamalkannya daripada satu generasi kepada generasi seterusnya. Sinkritisma ialah kepercayaan terhadap sebab akibat segala kesulitan hidup adalah akibat sesuatu kejadian, seperti penyakit berjangkit, ribut taufan dan kemarau yang sentiasa berlaku. Pola amalan keagamaan yang terhasil itulah yang diistilahkan sebagai sinkritisme agama yang juga terdapat dalam kehidupan suku etnik Bajau di Sabah. Salah satu unsure dalam sinkritisme agama ini ialah kepercayaan terhadap makhluk jin yang dipercayai menjadi pengganggu sesebuah tempat di laut, darat, bukit, sungai, batu dan pokok. (Gusni Saat, 2008: 81-82) Berdasarkan kajian-kajian pengkaji menunjukkan bahawa tidak semua masyarakat Bajau mempunyai nilai agama Islam dalam kesedaran beragama terhadap agama Islam dalam kalangan masyarakat suku etnik Bajau Darat terutamanya yang menepati ajaran Islam yang sebenar dan menepati tuntutan syariah rentetan terdapat sinkritisma dalam masyarakat Bajau secara sedar mahu pun tidak.

Dari sudut ilmu kemasyarakatan, konsep adat memancarkan hubungan mendalam lagi bermakna antara sesama manusia dengan alam sekitarnya dalam masyarakat tradisi. Hal ini termasuk alam tabii, sosial dan alam ghaib. Setiap hubungan ini pula diucapkan sebagai adat, diberikan bentuk tegas dan khusus melalui sikap, perbuatan dan cara yang memberi takrif kepada seluruh kompleks hubungan tersebut Zainal Kling (1977). Kepelbagaiannya ciri adat merupakan sifat umum bagi semua budaya termasuk masyarakat Bajau di Sabah termasuk Bajau Darat. Salah satu adat yang penting dalam masyarakat Bajau ialah perkahwinan. Menurut Islam, perkahwinan itu mudah, namun orang-orang Bajau telah menambah tambahan istiadat perkahwinan itu dengan pelbagai adat istiadat dan upacara hasil daripada pengaruh animisma dan Hindu untuk tujuan-tujuan tertentu yang merangkumi pelbagai keperluan. (Saidatul Nornis & Budi Anto 2011: 77 & 81)

Masyarakat Bajau umumnya amat mementingkan pelaksanaan upacara perkahwinan. Oleh yang demikian, upacara perkahwinan tidak

boleh dilakukan sebarang, sebaliknya dilaksanakan selaras dengan tuntutan adat dengan kesedaran kepentingan nilai-nilai daripada ajaran agama Islam yang telah digariskan dalam syariat. Sebelum majlis akad nikah dan persandingan berlangsung, bagi masyarakat Bajau Darat seperti contoh masyarakat Bajau Darat di daerah Kota Belud, beberapa acara akan diadakan terlebih dahulu yang menjadi kemestian bagi generasi lama Bajau. Antaranya acara madak (mandi bedak atau malam berinai). Mandi badak (mandi bedak) dalam masyarakat Bajau dilakukan selepas waktu maghrib, yang dikenali sebagai songom mandi badak (malam mandi bedak), iaitu keesokan harinya adalah majlis persandingan. Hal ini berkaitan dengan unsur ritual yang tersirat di sebalik upacara mandi badak. Menurut Hjh. Ramlah Hj. Mohammad Zaini, pada masa silam, tujuan mandi badak diadakan ialah dijadikan sebagai pemanis muka kepada muka pengantin (agar wajah berseri-seri), sebagai penolak ilmu sihir dan sebagai penetap hati pengantin (supaya tidak berdebar-debar). (Saidatul Nornis & Budi Anto, 2011: 81 & 86).

Dalam soal nilai kebebasan, suku etnik Bajau lebih bersifat bebas dalam melangsungkan kehidupan sehariannya. Tanpa merasa begitu terikat kepada pihak lain. Mereka boleh bergerak ke mana sahaja tempat yang difikirkan baik untuk nilai kehidupan mereka serta membuat tempat tinggal asalkan kawasan itu masih lagi wilayah mereka. Perasaan kebebasan ini membuatkan mereka tidak begitu kisah dengan apa yang berlaku di luar komunitinya, asalkan tidak menjelaskan kepentingan mereka seharian.

Manakala dalam soal nilai kehidupan dan kebendaan, suku etnik Bajau sangat berpegang pada konsep “bersyukur”, iaitu akur dan menerima apa yang ada. Antara contohnya adalah, setelah mereka berusaha mencari rezeki, maka hasil yang diperoleh itu adalah merupakan rezeki mereka yang diizinkan Allah SWT. Pada mereka kesejahteraan hidup bukan hanya terlalu bersandarkan kepada kebendaan, tetapi berkaitan dengan nilai kekeluargaan dan persaudaraan yang menjadi tempat rujukan dan memberikan pertolongan tatkala di waktu senang maupun waktu susah. Suku etnik Bajau ini sering melaungkan ungkapan pepatah dalam bahasa mereka untuk menggambarkan nilai sikap kehidupan mereka iaitu “mangan nya makngan sukur joe kurung-kurung...” yang bermaksud, walaupun tidak makan asalkan hidup dan saling bekerjasama setelah berkumpul ramai-ramai.

Nilai agama yang diterapkan dalam kekerabatan suku etnik Bajau pula adalah kekerabatan yang dianggotai oleh sistem aturan berkeluarga yang bermula daripada unit keluarga, saudara-mara dan kesukuan. Sistem aturan ini adalah institusi yang mengawal perlakuan hubungan sosial dalam kalangan warga atau ahlinya. Hal ini yang meliputi aspek yang lebih luas

seperti susunan pangkat, kuasa, adat dan adat istiadat. Pola kekerabatan dalam masyarakat suku etnik Bajau sangat dipengaruhi oleh ragam ekonomi yang kini berpengaruh dalam masyarakat suku etnik Bajau yang mempunyai kesan yang berlainan ke atas pola kekerabatan.

Dalam kalangan komuniti yang bergantung kepada ragam ekonomi di laut, konsep nilai kekerabatan lebih terbatas pada ahli sesebuah labuhan serta labuhan (Nimmo, 1994). Manakala dalam kalangan komuniti suku etnik Bajau dalam ragam ekonomi laut-nelayan pula, (Sather, 1976), konsep nilai kekerabatan lebih luas kerana jaringan dunia social mereka yang lebih jauh. Hal ini membawa kepada wujudnya kekerabatan yang membabitkan suku peribumi lain, seperti Dusun, menerusi perkahwinan campur. Apabila terjadi perkahwinan campur ini, suku etnik Bajau lebih dominan menyebabkan pihak lelaki atau perempuan dari suku Dusun diasimilasikan ke dalam kebudayaan suku etnik Bajau yang berteraskan nilai-nilai Islam. (Gusni Saat 2008: 85-90)

Hakikat nilai-nilai keagamaan menurut Islam adalah terletak kepada konsep kesedaran beragama dan ketuhanan. Shahadah atau penyaksian di dalam Islam dinyatakan sebagai: “Tiada Tuhan melainkan Allah.” Nama Tuhan iaitu “Allah” secara jelas bermaksud “Tuhan” dan berada pada nilai-nilai penerapan serta posisi utama dalam kalangan orang Islam, dalam semua tingkah laku mereka dan dalam setiap pemikiran mereka. Kewujudan Tuhan mengisi kesedaran orang Islam pada kehidupan sehari-hari mereka. Pada mereka, Tuhan sebenarnya satu keagungan pemikiran. Walau bagaimana pun, tidak semua masyarakat etnik Bajau mempunyai kesedaran kepentingan menerapkan nilai-nilai ajaran agama Islam yang sebenar dalam kehidupan sehari-hari mereka yang sebenar berdasarkan hasil pemerhatian pengkaji terhadap suku etnik Bajau Darat terutamanya di kampung-kampung di kawasan Kota Kinabalu seperti di Kampung Darau, Kampung Penimbawan, Kampung Serusop Tuaran dan kawasan Kota Belud.

PENUTUP

Hasil kajian terhadap kajian ini berdasarkan amalan-amalan kehidupan sehari-hari mereka menunjukkan nilai-nilai agama Islam dalam kesedaran beragama kalangan masyarakat Bajau di Kampung Penimbawan Tuaran adalah di tahap rendah. Rentetan daripada kesedaran penerapan nilai-nilai agama Islam dalam kehidupan mereka jelas menunjukkan bahawa mempunyai unsur-unsur sinkritisma dan amalan-amalan adat budaya dan kepercayaan yang bertentangan dengan ajaran agama Islam. Rentetan itu

menjadiakan peranan mereka masih lagi berada pada tahap rendah dalam menjadi agen penyebaran nilai-nilai agama Islam dan kesedaran kepentingan mempraktikkan dalam kehidupan sehari-hari perlu dipertingkatkan mengikut ajaran Islam yang sebenar. Berdasarkan kaedah analisis deskriptif terhadap kajian dan sorotan tinjauan-tinjauan lepas yang berkaitan dengan masyarakat Bajau Darat di Sabah,pemerhatian dan temubual terhadap beberapa masyarakat etnik Bajau Darat sendiri tidak dapat dinafikan bahawa masyarakat Bajau Darat mempunyai kelebihan-kelebihan yang boleh digunakan dan mempunyai peranan besar terhadap penyebaran dakwah Islam di negeri Sabah khususnya sekiranya mereka mempunyai kesedaran penerapan nilai-nilai ajaran agama Islam mengikut syariat Islam yang sebenar. Hubungan keterkaitan nilai kesedaran ini juga berkaitan dengan hubungan pembolehubah antara penghayatan terhadap ibadah dan akhlak dalam diri mereka. Namun, kesedaran dan penerapan nilai agama Islam dalam kalangan masyarakat Bajau Darat masih boleh dipertingkatkan dengan pelbagai usaha yang boleh dilakukan bagi membantu mereka dalam memahami dan menghayati ajaran Islam berpandukan Al-Quran dan Al-Sunnah.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Chua, Yan Piaw.2006. Kaedah dan Statistik Penyelidikan. Buku 1. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.

Gusni Saat. 2008. *Suku Etnik Bajau (Urbanisasi, Perubahan dan Pembangunan)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Haji Jamawi bin Haji Ajim. 2014. Temubual. Penimbawan: t.th.

Haji Jaukal bin Badar. 2014. Catatan Haji Jaukal bin Badar. Kampung Penimbawan: t.th

Jones. L.W. 1996. *The Population of Borneo: A Study of the Peoples of Sarawak, Sabah dan Brunei*. London: Athlone Press.

Nimmo, H. Arlo. 1994. *The Songs of Salanda and Other Stories of Sulu*. Manila: Ateneo De Manila University Press.

Nurcholish Madjid, Muhammad Imadduddin, Abdulrahim. Bassam Tibi, Frans Magni Suseno, Tarmizi Taher, Olaf Schumann, Joseph Van Ess., Adnan Buyung Nasution, Bahtiar Effendi, Samuel P. Huntington. 1996. *Agama dan Dialog Antara Peradaban*. Jakarta: Penerbit Paramadina.

Panel Penulis. 2014. *Adat Resam dan Pantang Larang Suku Kaum di Sabah*. Selangor: Perpustakaan Negara Malaysia.

Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2013. *Nilai dan Norma Masyarakat di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

Saidatul Nornis Hj. Mahali, Budi Ato Mohd.Tamring. 2011. *Pluraliti Dalam Kearifan Lokal di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

Saidatul Nornis Hj. Mahali, Mohd Sarim Hj Mustajab, Suraya Sintang. 2007. *Pluraliti Etnik dan Budaya di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

Sather, Claffoerd A. 1976. *Kinship and Contiguity: Variation in Social Alignments Among the Semporna Bajau Laut dlm. Appell, G.N. (ed) The Societies of Borneo: Explorations in the Theory of Cognatic Sosial Structure*. New York: American Anthropological Association.

Sayid Qutb. 1978. *Masyarakat Islam*. Terj. H.A Muthi Nurdin S.H. Bandung: Yayasan At-Taufiq- Pt Al Ma'arif.

Zainal Kling. 1997. *Masyarakat Melayu: Antara Tradisi dan Perubahan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.